



INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN EDUCATION
(IJMoe)
www.ijmoe.com



**CABARAN DAN STRATEGI PEMERKASAAN
PENDOKUMENTASIAN E-GAYAD MABALUT GLOSARI DI
BEAUFORT, SABAH**

*CHALLENGES AND EMPOWERMENT STRATEGIES FOR THE
DOCUMENTATION OF THE E-GAYAD MABALUT GLOSSARY IN BEAUFORT,
SABAH*

Norcikeyonn Samuni^{1*}, Suhailah Abdul Muin², Mohd Nor Azan Abdullah³

¹ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan, Malaysia
Email: norcikeyonnsamuni89@ums.edu.my

² Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: drsuhailah@ums.edu.my

³ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: azan@ums.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 26.06.2025

Revised date: 07.07.2025

Accepted date: 20.08.2025

Published date: 01.10.2025

To cite this document:

Samuni, N., Abdul Muin, S., & Abdullah, M. N. A. (2025). Cabaran Dan Strategi Pemerksaan Pendokumentasian E-Gayad Mabalut Glosari Di Beaufort, Sabah. *International Journal of Modern Education*, 7 (27), 176-189.

DOI: 10.35631/IJMoe.727012

Abstrak:

Pendokumentasian bahasa merupakan langkah penting dalam memelihara warisan linguistik etnik, terutamanya bagi bahasa yang semakin terpinggir seperti bahasa Bisaya di Beaufort, Sabah. Bahasa bukan sahaja alat komunikasi, tetapi juga cerminan identiti, nilai, dan budaya sesuatu komuniti. Walaupun bahasa Bisaya masih digunakan dalam kalangan masyarakat setempat, cabaran seperti perubahan sosial, dominasi bahasa arus perdana, dan kemajuan teknologi memberi tekanan terhadap kesinambungannya, terutama dalam kalangan generasi muda. Oleh itu, *E-Gayad Mabalut Glosari* diperkenalkan sebagai inisiatif pendokumentasian digital yang melibatkan penyertaan aktif komuniti Bisaya, bertujuan memudahkan penggunaan bahasa secara interaktif oleh generasi muda. Projek ini menumpukan bukan sahaja kepada pengumpulan kosa kata, tetapi juga pemerksaan komuniti dalam mengenal pasti, mengesahkan, dan memperkayakan kandungan glosari berdasarkan konteks sebenar penggunaan. Kajian ini berbentuk kertas konsep yang mengkaji tiga tema utama: dokumentasi bahasa, penglibatan komuniti, dan aplikasi teknologi dalam pemeliharaan bahasa etnik. Artikel ini turut meneliti cabaran seperti kekurangan bahan bertulis, kesukaran mengekalkan ketepatan makna, dan keterbatasan akses teknologi di kawasan luar bandar. Di samping itu, strategi pemerksaan seperti penggunaan platform digital mesra pengguna, sokongan institusi akademik, latihan komuniti, dan pemupukan

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



kesedaran awam terhadap kepentingan bahasa ibunda dibincangkan sebagai cara mengatasi halangan tersebut. Secara keseluruhannya, *E-Gayad Mabalut Glosari* bukan sahaja menyumbang kepada pemuliharaan bahasa Bisaya, malah berfungsi sebagai model strategik dalam pendigitalan dokumentasi bahasa berasaskan komuniti. Melalui pendekatan inklusif dan kolaboratif, projek ini menjadi simbol pemerkasaan identiti dan warisan budaya masyarakat Bisaya di Sabah.

Kata Kunci:

E-Gayad Mabalut Glosari, Penglibatan Komuniti, Pendokumentasian Bahasa, Cabaran dan Strategi Pemerkasaan, Beaufort, Sabah

Abstract:

Language documentation is a crucial step in preserving the linguistic heritage of ethnic groups, especially for endangered languages such as Bisaya in Beaufort, Sabah. Language is not only a means of communication but also a reflection of a community's identity, values, and culture. Although Bisaya is still spoken within the local community, challenges such as social changes, dominance of mainstream languages, and technological advancements threaten its continuity, particularly among younger generations. Therefore, the E-Gayad Mabalut Glossary was introduced as a digital documentation initiative involving active participation from the Bisaya community, aiming to facilitate easier and more interactive use of the language by the youth. This project focuses not only on vocabulary collection but also on empowering the community to identify, verify, and enrich the glossary content based on real-life usage contexts. This study takes the form of a concept paper that explores three main themes: language documentation, community involvement, and the application of technology in ethnic language preservation. It also examines key challenges such as the lack of written materials, difficulties in maintaining semantic accuracy, and limited access to technology in rural areas. Additionally, empowerment strategies such as user-friendly digital platforms, academic institutional support, community training, and raising public awareness of the importance of mother tongue are discussed as ways to overcome these obstacles. Overall, the E-Gayad Mabalut Glossary not only contributes to the preservation of the Bisaya language but also serves as a strategic model for community-based digital language documentation. Through an inclusive and collaborative approach, this project symbolizes the empowerment of the identity and cultural heritage of the Bisaya community in Sabah.

Keywords:

E-Gayad Mabalut Glossary, Community Engagement, Language Documentation, Challenges and Empowerment Strategies, Beaufort, Sabah

Pendahuluan

Dalam era globalisasi, penggunaan banyak bahasa etnik semakin terpinggir, terutamanya dalam kalangan generasi muda, akibat dominasi bahasa utama dan ketiadaan usaha dokumentasi yang sistematik dan berstruktur (Grenoble & Whaley, 2006; UNESCO, 2022). Di Sabah, bahasa Bisaya turut menunjukkan penurunan penggunaan apabila generasi muda dilaporkan semakin jarang menuturkannya dalam kehidupan seharian (Suhailin et al., 2020).

Sehubungan itu, *E-Gayad Mabalut Glosari* dihasilkan sebagai usaha rintis yang memelihara bahasa melalui pengumpulan dan penyebaran perkataan serta ungkapan yang sesuai dan bermakna dalam konteks kehidupan seharian komuniti. Pendokumentasian bahasa bukan sahaja membantu melestarikan kosa kata dan struktur linguistik yang semakin dilupakan, malah turut memperkukuh identiti etnik dan menyemai rasa bangga terhadap warisan budaya (Skutnabb-Kangas & McCarty, 2008; Romaine, 2007).

'*E-Gayad Mabalut*' membawa maksud '*percakapan atau perkataan yang baik*' dalam bahasa Bisaya, dibangunkan melalui pendekatan kolaboratif bersama komuniti setempat. Glosari ini bukan sahaja berfungsi sebagai repositori istilah, tetapi turut menyediakan makna dan konteks penggunaannya berdasarkan budaya, tradisi, dan nilai-nilai yang dihayati oleh masyarakat Bisaya. Penglibatan aktif komuniti dalam pembangunan kandungan glosari dilihat penting dalam memastikan kesahihan serta kesesuaian yang mencerminkan realiti tempatan (Bowern, 2015). Dengan memanfaatkan teknologi digital yang bersifat interaktif dan mudah diakses, projek ini membuka ruang kepada pendekatan pendokumentasian bahasa yang lebih inklusif dan lestari. Kajian ini penting kerana ianya bukan sahaja menunjukkan potensi teknologi dalam usaha revitalisasi bahasa minoriti, malah turut memperkenalkan model dokumentasi berasaskan komuniti yang berpotensi dijadikan rujukan dalam konteks Malaysia yang kaya dengan kepelbagaian linguistik (Austin & Sallabank, 2011).

Isu dan Permasalahan Kajian

Penggunaan bahasa Bisaya sebagai salah satu bahasa minoriti menunjukkan penurunan penggunaan disebabkan pengaruh dominan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar rasmi di Malaysia. Keadaan ini mengancam kelangsungan dan kepelbagaian bahasa tersebut dalam komuniti penuturnya. Dalam konteks ini, pendokumentasian bahasa etnik menjadi langkah penting untuk memelihara warisan linguistik kerana bahasa bukan sekadar medium komunikasi, tetapi juga mencerminkan budaya dan identiti sesebuah masyarakat (Waemasna & Yusniza, 2023). Bagi bahasa yang dituturkan oleh komuniti kecil, dokumentasi berperanan sebagai simpanan penting untuk tujuan pendidikan, pemulihan serta penyelidikan linguistik. Keperluan ini menjadi lebih mendesak apabila bilangan penutur asli semakin berkurangan, atau apabila bahasa tersebut tidak diajar di sekolah dan tidak digunakan dalam urusan rasmi. Tambahan pula, menurut Nasrun dan James (2017), banyak bahasa tempatan termasuk bahasa-bahasa daerah masih kurang diberi perhatian dalam penulisan akademik kerana kajian lebih banyak tertumpu kepada aspek fonetik dan fonologi sahaja.

Peralihan Bahasa dan Keterancaman Bahasa Etnik

Menurut Sa'adiah et al. (2023), sebahagian besar bahasa di dunia kini sedang mengalami peralihan dan berada dalam keadaan terancam. Hayati et al. (2020) menjelaskan bahawa peralihan ini berlaku apabila masyarakat meninggalkan penggunaan bahasa etnik dan memilih bahasa dominan seperti Bahasa Melayu dan Inggeris dalam urusan sosial dan ekonomi. Di Malaysia, pelajar terdedah kepada pelbagai bahasa sejak di bangku sekolah, bergantung kepada latar belakang etnik masing-masing (Tamilarsi & Khairul, 2022). Namun, Bahasa Melayu dan Inggeris telah mendominasi bidang pendidikan, media dan pekerjaan, menjadikannya bahasa utama dalam kehidupan seharian. Kewujudan bahasa dominan dalam masyarakat multibahasa turut mempengaruhi pilihan bahasa dalam kalangan penutur bahasa minoriti, sekali gus menyumbang kepada penurunan penggunaan bahasa ibunda, terutamanya dalam kalangan generasi muda (Dilah et al., 2020). Tekanan sosial untuk menyesuaikan diri dengan bahasa majoriti juga mempercepatkan penyusutan penggunaan bahasa etnik.

Penurunan Penggunaan Bahasa Bisaya dan Usaha Pendokumentasian Bahasa

Komuniti Bisaya di Beaufort merupakan sebahagian daripada kelompok Austronesia yang telah membentuk identiti etnik tersendiri walaupun berkongsi akar sejarah dengan masyarakat Visaya di Filipina (Lokin, 2004). Walaupun bahasa Bisaya masih digunakan dalam kehidupan harian, kajian Suhailin et al. (2020) menunjukkan penurunan penggunaan, khususnya dalam kalangan generasi muda yang lebih memilih Bahasa Melayu dan Inggeris, terutama dalam domain keluarga. Situasi ini menimbulkan keperluan mendesak untuk memelihara warisan linguistik secara sistematik dan inklusif. Sehubungan itu, *E-Gayad Mabalut Glosari* diperkenalkan sebagai inisiatif dokumentasi digital yang menggalakkan penglibatan aktif komuniti dalam merakam dan memperkaya kosa kata bahasa Bisaya. Pendekatan ini selari dengan model dokumentasi bahasa berasaskan komuniti yang menekankan kerjasama erat antara pengkaji dan penutur asli (Czaykowska-Higgins, 2009), dan berpotensi menjadi sumber rujukan lestari bagi generasi akan datang.

Sorotan Literatur

Dalam pembangunan *E-Gayad Mabalut Glosari*, sorotan literatur digunakan untuk mengenal pasti isu penurunan penggunaan bahasa minoriti, kepentingan pendokumentasian, peranan teknologi dalam revitalisasi bahasa, serta pendekatan berasaskan komuniti dalam pemeliharaan warisan budaya. Melalui analisis tematik, tema-tema utama yang berkaitan dengan objektif dan fokus kajian ini diuraikan bagi memahami cabaran dan peluang dalam usaha memulihkan bahasa Bisaya.

Pendokumentasian Bahasa

Pendokumentasian bahasa merupakan proses sistematik yang melibatkan pengumpulan, rakaman, dan penyusunan data linguistik, khususnya bagi bahasa yang kurang digunakan, untuk tujuan rujukan masa hadapan (Himmelmann, 1998). Proses ini meliputi rakaman pertuturan penutur asli, transkripsi, terjemahan, dan analisis konteks sosial, yang merupakan langkah penting terutamanya bagi bahasa minoriti yang tidak mempunyai sistem tulisan atau tidak digunakan secara rasmi dalam pendidikan (Grenoble & Whaley, 2006). Perkembangan teknologi seperti ELAN, FLEx, dan platform dalam talian telah mempercepat serta memudahkan akses kepada dokumentasi, khususnya bagi generasi muda (Carpenter et al., 2016; Skilton et al., 2024). Rowan (2021) memperkenalkan pendekatan *mdocumentation* dalam kalangan diaspora Nubia, yang menggabungkan teknologi digital dengan penglibatan aktif penutur warisan sebagai pencipta kandungan melalui rakaman, transkripsi, dan pengarkiban bahan multimodal. Pendekatan ini bukan sahaja mendigitalkan bahasa, tetapi turut menghidupkan semula penggunaannya dalam konteks sosial dan budaya sebenar, termasuk pembangunan aplikasi dan repositori digital. Di Malaysia, usaha pendokumentasian turut melibatkan bahasa etnik seperti Mah Meri dan komuniti Orang Asli serta etnik di Sabah dan Sarawak. Asmah Haji Omar (2012) menegaskan bahawa bahasa mencerminkan identiti dan nilai budaya sesuatu etnik. Projek global seperti DOBES dan ELAR menunjukkan bahawa digitalisasi kini menjadi strategi utama dalam memastikan kelestarian warisan linguistik sejagat (Himmelmann, 2006).

Penglibatan Komuniti

Penglibatan komuniti dalam usaha memelihara dan memulihara bahasa etnik atau bahasa ibunda kaum minoriti dianggap sebagai elemen kritikal dalam memastikan kejayaan dokumentasi dan kelestarian bahasa tersebut. Model *community-based language*

documentation menekankan keperluan kerjasama erat antara penyelidik luar dan komuniti penutur asli, di mana komuniti bukan sekadar menjadi subjek kajian, tetapi turut terlibat aktif sebagai penyumbang, penyunting, dan pengguna sumber linguistik yang dihasilkan (Czaykowska-Higgins, 2009). Pendekatan ini bukan sahaja memperkasa komuniti dalam mengurus warisan bahasa mereka, malah meningkatkan kesedaran terhadap nilai identiti dan budaya sendiri. Kajian oleh Rice (2011) juga menekankan bahawa pendokumentasian yang berasaskan komuniti membina hubungan saling menghormati dan memberi peluang kepada komuniti untuk menentukan arah serta keutamaan dalam projek pemuliharaan bahasa. Sementara itu, Grenoble & Furbee (2010) menunjukkan bahawa penglibatan aktif komuniti mempercepatkan proses revitalisasi bahasa melalui pendidikan bahasa ibunda, bengkel bahasa, dan pembangunan bahan pengajaran yang relevan. Keberkesanan pendekatan ini dapat dilihat dalam inisiatif revitalisasi bahasa Māori di New Zealand yang melibatkan kerjasama antara guru, pelajar, dan keluarga dalam pembangunan kurikulum dan bahan pengajaran (King, 2001), serta dalam projek *Kadazandusun Language Foundation* (KLF) di Malaysia yang melibatkan guru dan komuniti dalam penghasilan kamus dan bahan pembelajaran berasaskan bahasa tempatan (Lasimbang & Tangit, 2000).

Peranan Teknologi dalam Pemuliharaan Bahasa

Kemajuan teknologi telah membawa kepada pembangunan pelbagai perisian khusus untuk mendokumentasikan bahasa. Perisian seperti ELAN digunakan untuk anotasi pertuturan, FLE_x untuk penyusunan kamus, dan *SayMore* untuk rakaman temu bual. Perisian-perisian ini membolehkan penyelidik dan komuniti menyusun bahan linguistik secara sistematik dan interaktif (Bird & Simons, 2003). Selain itu, aplikasi mudah alih seperti Aikuma turut menyediakan platform bagi komuniti mendokumentasikan bahasa mereka sendiri menggunakan telefon pintar, sekaligus memperluas penglibatan masyarakat dalam usaha pemeliharaan bahasa (Bird et al., 2014). Beberapa inisiatif glosari dan kamus digital di peringkat antarabangsa telah membuktikan keberkesanan pendekatan ini, antaranya *Kamusi Project* untuk bahasa Swahili (Benjamin & Biersteker, 2001) dan *Te Whanake* bagi bahasa Māori (Moorfield, 2008). Di Malaysia pula, kewujudan Kamus Kadazan-Dusun Online memperlihatkan potensi besar teknologi dalam memperluas akses masyarakat terhadap bahasa-bahasa minoriti (Miller et al., 2015).

Tahap Penggunaan Bahasa dalam Kehidupan Sehari-hari

Bahasa Bisaya Sabah merupakan cabang keluarga bahasa Austronesia dan masih digunakan aktif terutama oleh warga emas di Beaufort dan Kuala Penyu (Suhailin et al., 2020). Namun, penggunaan bahasa ini semakin menurun di kalangan generasi muda akibat dominasi bahasa Melayu dalam pendidikan dan bahasa Inggeris dalam media. Kini, bahasa Bisaya lebih banyak digunakan dalam komunikasi keluarga dan majlis adat, manakala dalam konteks rasmi seperti sekolah dan tempat kerja, penggunaannya semakin berkurang. Keadaan ini menunjukkan bahasa Bisaya dalam keadaan terancam dan berisiko hilang dalam beberapa generasi jika tiada usaha pemuliharaan. Asmah (2015) dan Moseley (2010) menegaskan bahawa kehilangan bahasa bermakna kehilangan warisan budaya dan identiti etnik. Oleh itu, pendokumentasian dan pemuliharaan bahasa Bisaya melalui pendekatan digital, penglibatan komuniti, dan pendidikan berasaskan bahasa ibunda adalah penting untuk memastikan kelestariannya.

Inisiatif Penghasilan E-Gayad Mabalut Glosari

E-Gayad Mabalut Glosari direka dengan pendekatan mesra pengguna dan inklusif bagi menyokong pembelajaran bahasa secara efektif, selaras dengan pandangan Crystal (2000)

bahawa kehilangan bahasa bermakna kehilangan budaya dan identiti. Glosari ini memaparkan struktur dwibahasa (Bisaya–Melayu) dengan transkripsi fonetik, rakaman audio, serta contoh ayat harian dalam bahasa Bisaya dan terjemahan Melayu. Contohnya, perkataan ‘*masaga*’ iaitu ‘*rajin*’ diterjemah secara formal oleh Informan 1 (66 tahun) sebagai “*masaga kokolot anak maka ngaran da Yamat tih,*” dan secara santai oleh Informan 2 (21 tahun) sebagai “*elelele masaga kokolot yamat noh awat taw,*” menunjukkan variasi generasi dalam gaya bahasa. Selain itu, glosari ini mengandungi gambar dan ilustrasi motif budaya Bisaya, menjadikannya bahan bantu mengajar sesuai untuk sekolah rendah dan menengah. Pendekatan multimodal ini menyokong pelbagai gaya pembelajaran dan memperkukuh pemerolehan bahasa, sejajar dengan prinsip pembelajaran multimodal (Hinton, Huss, & Roche, 2018; Fishman, 1991).

Metodologi Kajian

Pembangunan *E-Gayad Mabalut Glosari* menggunakan pendekatan kualitatif melalui etnografi kolaboratif dan partisipatif bagi memahami penggunaan bahasa Bisaya serta nilai budaya yang terkandung dalam kehidupan seharian komuniti. Persampelan purposif melibatkan penutur aktif berusia 50 tahun ke atas sebagai sumber utama, dan 5 hingga 7 belia berusia 15 hingga 40 tahun untuk mewakili variasi generasi. Data dikumpul melalui temu bual tidak formal, rakaman perbualan, catatan lapangan dan penyertaan dalam aktiviti komuniti. Pendekatan ini memastikan glosari yang dihasilkan bersifat autentik, mencerminkan aspek linguistik serta budaya masyarakat Bisaya di Beaufort.

Komuniti Bisaya di Beaufort, Sabah

Komuniti Bisaya, juga dikenali sebagai Bisayah atau Besaya, tinggal di beberapa kawasan Borneo termasuk Sabah, Sarawak, dan Brunei. Di Sabah, komuniti Bisaya ramai tertumpu di daerah Beaufort dan Kuala Penyu, terutamanya di barat Beaufort sepanjang Sungai Padas Damit, Gramma, dan Sungai Padas Selatan. Kampung Bisaya juga terdapat di sepanjang Sungai Klias, dengan interaksi rapat bersama etnik Kadazan, manakala Pekan Kota Klias didiami penutur bahasa Brunei (Dunn, 1984). Secara serantau, hubungan antara Bisaya Borneo dan kumpulan Visaya di Filipina masih diperdebatkan tanpa kesimpulan jelas (Sonza, 1974). Menariknya, menurut lagenda yang direkod oleh Derek Headly (1950), nama ‘Bisaya’ berasal daripada ungkapan Sultan Brunei, ‘*Bisai-yah!*’, bermaksud ‘*Betapa cantiknya!*’, merujuk kepada keindahan tanah yang mereka diami.



Rajah 1 : Kawasan Bahasa Bisaya Beaufort, Sabah

Sumber : Joshua Project (2019) dalam Suhailin et al., (2020)

Etnik Bisaya merupakan antara komuniti terawal di Borneo Utara yang memeluk agama Islam sejak abad ke-13. Hari ini, sekitar 90 peratus masyarakat Bisaya di Sabah beragama Islam, manakala majoriti masyarakat Bisaya di Sarawak menganut agama Kristian. Namun begitu, masih wujud sebilangan kecil yang mengekalkan kepercayaan tradisional, seperti yang dilaporkan di kawasan Manunggang, Sabah (Suhailin et al., 2020). Dari segi ekonomi, masyarakat Bisaya dikenali dengan kemahiran dalam bidang pertanian, terutamanya dalam mengusahakan tanaman seperti padi, halia, rumbia, kunyit, ubi, pisang, keladi, lada, kelapa, dan pelbagai buah-buahan tempatan. Dalam aspek kebudayaan pula, mereka masih mengekalkan beberapa tradisi unik seperti Tarian Liliput, Tarian Sayau Bagarus (melibatkan penggarusan batang rumbia), dan Tarian Mengalawat (tarian memijak hampas rumbia). Ambuyat, makanan tradisional yang diperbuat daripada tepung sagu rumbia dan dimakan bersama lauk-pauk, turut menjadi simbol kuliner utama komuniti ini (Blandoi, 2002). Namun demikian, pengaruh pemodenan dan asimilasi budaya dominan telah mewujudkan cabaran besar terhadap kelestarian budaya dan bahasa Bisaya, justeru memerlukan usaha yang lebih terancang untuk memastikan warisan ini terus dipertahankan.

Pendekatan Etnografi Kolaboratif

Pendekatan etnografi kolaboratif memberi penekanan kepada penglibatan aktif komuniti tempatan sepanjang proses dokumentasi bahasa, dengan menjadikan informan sebagai rakan strategik dalam penyelidikan. Pengumpulan data kosa kata dilaksanakan melalui temu bual bersama penutur asli, khususnya warga emas dan pemimpin adat yang masih fasih bertutur dalam bahasa Bisaya. Berbeza daripada pendekatan konvensional yang melihat komuniti sebagai subjek kajian, pendekatan ini melibatkan mereka secara langsung dalam setiap peringkat pelaksanaan bermula daripada fasa pengumpulan data, analisis, hinggalah kepada penyebaran hasil kajian (Lassiter, 2005). Pendekatan ini amat sesuai dalam konteks pemeliharaan bahasa etnik seperti bahasa Bisaya kerana ia menghormati serta mengangkat suara, pengalaman, dan perspektif komuniti asal, sekali gus memastikan dapatan kajian lebih sahih, bermakna dan memberi impak secara praktikal.

Pemerhatian Partisipatif

Selain temu bual, kaedah pemerhatian partisipatif turut digunakan sebagai teknik utama dalam pendekatan etnografi bagi membolehkan penyelidik melibatkan diri secara langsung dalam kehidupan seharian komuniti Bisaya. Menerusi kaedah ini, penyelidik menyertai pelbagai aktiviti sosial dan budaya seperti majlis kenduri, upacara adat, serta interaksi harian, sekaligus dapat menyaksikan sendiri penggunaan bahasa Bisaya dalam konteks yang autentik. Pendekatan ini memberikan kefahaman yang lebih mendalam terhadap struktur dan variasi bahasa, di samping memperlihatkan makna budaya, nilai simbolik, serta norma sosial yang tersirat dalam pertuturan masyarakat (Bernard, 2011). Pengalaman lapangan ini juga membolehkan penyelidik memahami bahasa dan budaya daripada perspektif komuniti itu sendiri, sekali gus memperkukuh keautentikan serta kerelevanan dapatan kajian. Di samping itu, pendekatan ini sejajar dengan prinsip penyelidikan dekolonial yang menghargai pengetahuan komuniti tempatan sebagai sumber ilmu yang sah dan bernilai dalam wacana akademik.

Cabaran dalam Pendokumentasian Bahasa Bisaya

Pendokumentasian bahasa merupakan usaha penting dalam memastikan kelangsungan sesuatu bahasa, khususnya bahasa-bahasa peribumi yang kini semakin terancam. Bagi bahasa Bisaya di Beaufort, Sabah, proses dokumentasi berdepan dengan pelbagai cabaran yang boleh

menggugat keberkesanan pemeliharaan bahasa tersebut. Antara cabaran utama yang dikenal pasti dalam konteks masyarakat Bisaya termasuklah kekurangan sumber tenaga pakar linguistik, keterbatasan akses terhadap teknologi, kewujudan variasi linguistik yang meluas dalam kalangan penutur, serta minat yang semakin berkurangan dalam kalangan generasi muda untuk menggunakan bahasa ibunda mereka. Cabaran-cabaran ini menuntut pendekatan holistik dan bersepadu agar usaha pendokumentasian bukan sahaja tepat dari segi linguistik, tetapi juga mampu menyokong kesinambungan dan kelestarian bahasa Bisaya sebagai warisan budaya yang berharga (Suhailin et al., 2020; Grenoble & Whaley, 2006).

Kekurangan Sumber Tenaga Pakar Linguistik

Usaha pendokumentasian bahasa Bisaya di Sabah berdepan cabaran besar akibat kekurangan tenaga pakar linguistik, khususnya dalam bidang bahasa minoriti. Bahasa ini masih dituturkan secara lisan tanpa sistem penulisan formal yang meluas, menyebabkan dokumentasi perlu bermula dari asas dengan bergantung kepada memori penutur asli (Grenoble & Whaley, 2006). Ketiadaan bahan rujukan seperti kamus atau kajian akademik menjadikan proses dokumentasi lebih sukar dan lambat. Hinton (2001) menegaskan bahawa penglibatan komuniti penting bagi memastikan ketulenan makna dan konteks budaya dipelihara, namun tanpa bimbingan pakar, ketepatan dokumentasi boleh terjejas. Himmelmann (2006) pula menjelaskan bahawa kekurangan dana, pakar teknikal, dan peralatan rakaman turut menghalang kelancaran proses ini. Selain itu, komuniti juga berdepan cabaran penggunaan teknologi dokumentasi moden disebabkan kurangnya kemahiran teknikal. Jika isu kekurangan kepakaran ini tidak ditangani secara sistematik, bahasa Bisaya berisiko terus mengalami penurunan penggunaan dan kehilangan sebagai warisan linguistik.

Teknologi Pendokumentasian Bahasa

Cabaran kedua dalam pendokumentasian bahasa Bisaya ialah kekurangan akses kepada teknologi yang sesuai untuk mendigitalkan bahan linguistik secara berkesan. Bird & Simons (2003) menegaskan bahawa kebanyakan komuniti peribumi kurang mempunyai kemudahan teknologi yang mencukupi, dan keadaan ini turut berlaku di Sabah, terutamanya di kawasan luar bandar seperti Beaufort, di mana infrastruktur digital yang terhad menghalang komuniti daripada mengakses perisian dan platform dokumentasi yang diperlukan. Untuk mengatasi kekangan ini, platform digital seperti *OpenSpeaks Multimedia Toolkit* dan *SayMore* boleh dimanfaatkan dalam pembangunan *E-Gayad Mabalut Glosari*. Kedua-dua platform ini menawarkan ciri yang mesra pengguna dan tidak memerlukan teknologi canggih, menjadikannya sesuai untuk komuniti luar bandar. *OpenSpeaks* membolehkan rakaman audio-visual dilakukan dengan mudah serta menyediakan ciri pengurusan hak cipta, manakala *SayMore* pula membantu dalam pengorganisasian data, transkripsi asas, dan penjejakan kemajuan dokumentasi secara sistematik (The Open Language Documentation Project, 2019; SayMore, 2025). Penggunaan teknologi ini bukan sahaja mempercepatkan proses dokumentasi, tetapi juga memberi ruang kepada komuniti untuk mengambil bahagian secara aktif dalam pendokumentasian bahasa mereka sendiri, walaupun dalam keadaan serba kekurangan dari segi infrastruktur digital.

Variasi Dialek dan Linguistik dalam Kalangan Penutur

Bahasa Bisaya yang dituturkan di Beaufort, Kuala Penyu, dan Sipitang menunjukkan variasi dialek yang ketara dari segi sebutan, kosa kata, dan struktur ayat, bergantung kepada lokaliti dan latar komuniti penutur. Cabaran ini menjadi isu utama dalam usaha pendokumentasian, khususnya dalam menentukan bentuk standard yang mampu mewakili keseluruhan komuniti

tanpa mengabaikan kepelbagaian dalaman. Trudgill (2002) menjelaskan bahawa variasi dialek adalah ciri semula jadi dalam perkembangan bahasa, namun pendekatan dokumentasi perlu inklusif agar tidak meminggirkan mana-mana subkumpulan. Dorian (1994) turut menegaskan pentingnya semangat kompromi dalam revitalisasi bahasa supaya semua komuniti merasa diwakili. Dalam konteks Bisaya, variasi dialek dipengaruhi bukan sahaja oleh faktor geografi, tetapi juga perbezaan generasi dan asimilasi budaya luar. Generasi muda lebih terdedah kepada pengaruh bahasa Melayu dan Inggeris, yang membentuk gaya pertuturan lebih santai, manakala generasi lebih tua mengekalkan bentuk tradisional yang kaya dengan nilai budaya. Fenomena ini mencerminkan pertembungan budaya akibat pengaruh sistem pendidikan, media massa, dan mobiliti sosial. Kajian Mahali et al. (2021) terhadap komuniti Murut di Keningau turut mencatat pola serupa, di mana generasi muda lebih selesa berkomunikasi dalam dialek Melayu Sabah berbanding bahasa ibunda mereka. Oleh itu, pendokumentasian bahasa Bisaya perlu dilaksanakan secara menyeluruh dan sensitif terhadap variasi ini agar elemen unik setiap dialek tidak hilang, sekaligus menjamin kelangsungan warisan budaya secara autentik dan inklusif.

Sikap Generasi Muda terhadap Bahasa Ibunda

Sikap generasi muda terhadap bahasa ibunda memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan usaha pendokumentasian dan pemeliharaan bahasa, termasuk dalam kalangan masyarakat Bisaya di Sabah. Pengaruh dominan bahasa Melayu dan Inggeris melalui sistem pendidikan, media sosial, serta keperluan kerjaya telah mengecilkan ruang dan keperluan untuk menuturkan bahasa Bisaya dalam kehidupan seharian. Kajian oleh Suhailin et al. (2020) menunjukkan bahawa generasi muda Bisaya mempunyai tahap penggunaan bahasa ibunda yang rendah, terutamanya dalam komunikasi formal dan pendidikan, meskipun kefahaman asas terhadap bahasa tersebut masih wujud. Fishman (1991) menegaskan bahawa perubahan sikap dalam kalangan generasi muda merupakan indikator utama berlakunya peralihan bahasa (language shift), manakala Hornberger & Coronel-Molina (2004) menyeru kepada pendekatan perancangan bahasa yang menyeluruh, yang melibatkan pendidikan, budaya dan identiti dalam memperkukuh kedudukan bahasa ibunda. Di Sabah, bahasa Bisaya jarang digunakan dalam domain rasmi, menyebabkan ia kurang kelihatan dan semakin terpinggir. Justeru, tanpa sokongan generasi muda, usaha pemeliharaan bahasa menjadi lebih mencabar. Inisiatif dokumentasi seperti *E-Gayad Mabalut Glosari* perlu digabungkan dengan strategi jangka panjang yang memartabatkan bahasa Bisaya sebagai lambang warisan budaya yang penting, sekaligus menjamin kesinambungan komunikasi antara generasi serta kelestarian identiti dan nilai budaya unik masyarakat Bisaya.

Strategi Pemeraksanaan *E-Gayad Mabalut Glosari*

Dalam menghadapi cabaran dokumentasi bahasa etnik seperti bahasa Bisaya di Sabah, pelbagai peluang dan potensi sebenarnya boleh dimanfaatkan sebagai sebahagian daripada strategi pemeraksanaan warisan linguistik komuniti. Usaha seperti pembangunan *E-Gayad Mabalut Glosari* bukan sahaja menyediakan ruang dokumentasi yang lebih sistematik, tetapi juga berfungsi sebagai alat pemeraksanaan bahasa menerusi pendekatan celik teknologi, penyertaan komuniti, dan pemupukan identiti etnolinguistik. Strategi ini mampu menjadi pemangkin kepada kebangkitan semula penggunaan bahasa ibunda, khususnya dalam kalangan generasi muda yang semakin terdedah kepada teknologi dan media digital.

Peningkatan Kesedaran Komuniti Dalam Pemuliharaan Bahasa

Salah satu strategi utama dalam pemeraksanaan bahasa ibunda ialah peningkatan kesedaran komuniti terhadap kepentingan pemuliharaan bahasa sebagai warisan budaya yang tidak

ternilai. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, kesedaran ini menunjukkan peningkatan ketara di peringkat global dan nasional, termasuk di Malaysia. Pelancaran *Indigenous Languages Decade 2022–2032* oleh UNESCO telah menjadi pemangkin kepada usaha kolektif untuk memelihara serta menghidupkan semula bahasa-bahasa yang berisiko pupus, termasuk bahasa peribumi (UNESCO, 2021). Menurut Ghafar (2023), bahasa bukan sekadar alat komunikasi, tetapi juga medium pemindahan nilai budaya dan pemangkin pembangunan sosial komuniti. Dalam konteks bahasa Bisaya di Sabah, kajian oleh Suhailin et al. (2020) menegaskan bahawa penurunan penggunaan bahasa ini dalam kalangan generasi muda menuntut tindakan strategik bagi mendokumentasi serta memeliharanya. Strategi pemerksaan melalui kesedaran ini memberikan asas moral, ilmiah dan sosial yang kukuh untuk menyokong inisiatif seperti *E-Gayad Mabalut Glossari*, yang bukan sahaja mendokumentasikan bahasa secara sistematik, tetapi turut mendekatkan generasi muda kepada bahasa warisan mereka melalui pendekatan teknologi dan komuniti. Kesedaran yang disemai secara berterusan dapat memperkukuh jati diri etnik dan memulihkan kedudukan bahasa ibunda dalam landskap budaya semasa.

Penggunaan Teknologi Digital

Kemajuan teknologi digital telah membuka peluang besar dalam usaha pendokumentasian bahasa, termasuk bahasa Bisaya. Seiring dengan perkembangan ini, penggunaan aplikasi mudah alih, laman sesawang interaktif, serta rakaman audio dan video menjadikan proses dokumentasi bahasa lebih dinamik, inklusif dan responsif terhadap keperluan semasa (Austin & Sallabank, 2011). Di samping itu, penggunaan pangkalan data awan (*cloud database*) turut membolehkan bahan bahasa disimpan dan dikongsi secara dalam talian, sekaligus mengurangkan kebergantungan kepada storan fizikal dan memperluas capaian pengguna. Dalam konteks *E-Gayad Mabalut Glossari*, pendekatan berasaskan platform digital membolehkan glosari ini dibina secara interaktif dan mesra pengguna, serta dikemas kini dari semasa ke semasa. Pendekatan ini selaras dengan keperluan generasi muda dan komuniti yang semakin bergantung kepada teknologi digital dalam kehidupan seharian. Justeru, strategi digitalisasi ini memainkan peranan penting dalam memastikan kelangsungan dan pemerksaan bahasa Bisaya sebagai sebahagian daripada warisan linguistik yang perlu dilestarikan.

Sokongan Institusi dan Komuniti

Institusi pengajian tinggi memainkan peranan penting dalam memastikan usaha pemeliharaan dan pendokumentasian bahasa etnik dijalankan secara sistematik, beretika dan mampan. Melalui jaringan akademik, kepakaran penyelidikan dan akses kepada sumber pembiayaan, institusi seperti Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) dan Institut Kajian Orang Asal Borneo (BoRIIS) di Universiti Malaysia Sabah telah menjadi antara tonggak utama dalam menyokong pengajaran, penyelidikan dan pemerksaan bahasa etnik di Sabah, termasuk bahasa Bisaya. Seperti yang ditegaskan oleh Austin dan Sallabank (2011), peranan institusi akademik amat penting dalam membina sumber linguistik yang menjadi asas kepada usaha pengajaran dan revitalisasi bahasa minoriti. Di samping itu, organisasi bukan kerajaan (NGO) turut memainkan peranan signifikan dalam memperkukuh jaringan akar umbi, memperkasa kapasiti komuniti, serta menggerakkan advokasi berkaitan hak dan nilai bahasa ibunda. NGO seperti Kadazandusun Language Foundation (KLF) dan PACOS Trust telah membuktikan keupayaan mereka melalui pelaksanaan program latihan komuniti, pembangunan bahan pengajaran, dan inisiatif literasi tempatan. Bower (2015) menekankan bahawa penglibatan aktif komuniti bersama sokongan institusi merupakan kunci kejayaan dalam revitalisasi bahasa. Oleh itu, sinergi antara institusi akademik dan masyarakat sivil sangat diperlukan dalam menjayakan

inisiatif berasaskan komuniti seperti *E-Gayad Mabalut*, yang memerlukan pendekatan interdisiplin dan inklusif demi kelangsungan manfaatnya kepada generasi kini dan akan datang.

Pemeriksaan Identiti Etnik melalui Glosari Interaktif

Glosari interaktif seperti *E-Gayad Mabalut* berperanan lebih daripada sekadar alat. Selain berfungsi sebagai alat dokumentasi, glosari digital juga memainkan peranan sebagai wahana pemeriksaan identiti etnik dan pemulihan rasa bangga terhadap warisan budaya komuniti. Melalui integrasi elemen visual, audio, serta konteks penggunaan sebenar dalam kehidupan harian, *E-Gayad Mabalut Glosari* berupaya mendekatkan komuniti dengan bahasa mereka secara lebih bermakna. Pendekatan ini turut memudahkan pemahaman terhadap makna, sebutan, dan penggunaan istilah dalam situasi kontemporari. Sebagai contoh, penyertaan klip video yang memaparkan dialog harian dalam bahasa Bisaya serta rakaman sebutan asli oleh penutur tempatan memberikan pengalaman pembelajaran yang lebih autentik dan kontekstual. Pendekatan berasaskan teknologi dan media interaktif ini terbukti lebih efektif dalam menarik minat generasi muda, yang secara umumnya lebih terdedah dan responsif terhadap platform digital. Seperti yang ditegaskan oleh Romaine (2006), penglibatan aktif golongan belia dalam pembelajaran bahasa ibunda menerusi kaedah moden dapat merangsang kesinambungan linguistik dan memupuk rasa tanggungjawab terhadap pemeliharaan bahasa dalam kalangan generasi pewaris. Justeru, *E-Gayad Mabalut Glosari* bukan sahaja bersifat informatif, tetapi turut berperanan sebagai jambatan generasi yang dapat menghubungkan yang lama dan yang baharu melalui bahasa yang dikongsi bersama sebagai teras identiti masyarakat Bisaya.

Kesimpulan

Komuniti merupakan faktor utama kejayaan projek *E-Gayad Mabalut Glosari* kerana mereka adalah pemegang amanah bahasa dan budaya sebenar. Tanpa penglibatan aktif komuniti, kemajuan teknologi dan reka bentuk platform tidak akan mencapai keberkesanan yang signifikan dalam usaha pendokumentasian dan pemeriksaan bahasa. Komuniti Bisaya dilibatkan sebagai rakan kongsi, menjadikan mereka pemilik dan pengguna utama glosari, sekaligus memastikan setiap istilah mencerminkan nilai dan konteks budaya sebenar. Glosari ini bukan sekadar repositori linguistik, tetapi juga pernyataan identiti dan suara kolektif komuniti. Projek ini berpotensi menjadi model nasional bagi dokumentasi bahasa berasaskan komuniti yang inklusif dan mampan, sejajar dengan Agenda 2 Rancangan Malaysia Ke-12 (2021–2025) yang menekankan pemeliharaan warisan budaya sebagai asas pembinaan negara bangsa, yang amat penting dalam mengekalkan identiti budaya pelbagai kaum serta memperkukuh perpaduan nasional.

Penghargaan

Ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Universiti Malaysia Sabah (UMS) atas pembiayaan geran penyelidikan Skim Dana Kluster DK0141 untuk projek '*Keterlibatan Komuniti Dalam Menghasilkan E-Gayad Mabalut Glosari*'.

Rujukan

- Asmah, O. (2012). *Ensiklopedia Bahasa-Bahasa Etnik Di Malaysia*. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Austin, P. K., & Sallabank, J. (2011). *The Cambridge Handbook Of Endangered Languages*. Cambridge University Press.

- Benjamin, M., & Biersteker, A. (2001). The Kamusi Project Edit Engine: A New Tool For Collaborative Lexicography. *Journal Of African Language Learning And Teaching*, 1(1), 75-88.
- Bernard, H. R. (2011). *Research Methods In Anthropology: Qualitative And Quantitative Approaches* (5th Ed.). Altamira Press.
- Bird, S., & Simons, G. (2003). Seven Dimensions Of Portability For Language Documentation And Description. *Language* 79(3), 557-582. <https://dx.doi.org/10.1353/Lan.2003.0149>.
- Bird, S., Florian, R. H., Oliver, A., & Haejoong, L. (2014). Aikuma: A Mobile App For Collaborative Language Documentation. In *Proceedings Of The 2014 Workshop On The Use Of Computational Methods In The Study Of Endangered Languages*, Pages 1–5, Baltimore, Maryland, Usa. Association For Computational Linguistics.
- Blandoi, J. (2002). *Kaum Bisaya*. Salcra, Kuching. Sarawak Museum Journal.
- Bowern, C. (2015). *Linguistic Fieldwork: A Practical Guide*. Palgrave Macmillan London.
- Carpenter, J., Guerin, A., Kaczmarek, M., Lawson, G., & Lawson, K. (2016). *Digital Access For Language And Culture In First Nations Communities*. [Research Report] Knowledge Synthesis Report For Social Sciences And Humanities Research Council Of Canada.
- Crystal, D. (2000). *Language Death*. Cambridge University Press.
- Czaykowska-Higgins, E. (2009). Research Models, Community Engagement, And Linguistic Fieldwork: Reflections On Working Within Canadian Indigenous Communities. *Language Documentation & Conservation*, 3(1), 15–50.
- Dilah, T., Remmy, G., Muhamad Jazlan, A. K., & Chong, S. (2020). Pengekalan Dan Peralihan Bahasa Dalam Kalangan Generasi Muda Etnik Kedayan Di Bekenu Sarawak. *International Social Science And Humanities Journal*. 3(4), 1-16.
- Dorian, N. C. (1994). Varieties Of Variation In A Very Small Place: Social Homogeneity, Prestige Norms, And Linguistic Variation. *Language*, 70(4). 631–696.
- Dunn, P.A. "The Bisayalanguage". (1984). Dalam King, J. K., & King, J.W. Editors, *Languages Of Sabah: A Survey Report*. C-78:245-250. Pacific Linguistics, The Australian National University, 1984. [Doi:10.15144/PI-C78.245](https://doi.org/10.15144/PI-C78.245)
- Fishman, J. A. (1991). *Reversing Language Shift: Theoretical And Empirical Foundations Of Assistance To Threatened Languages*. Multilingual Matters.
- Ganenkova, D. (2013). Review Of *Documenting Endangered Languages: Achievements And Perspectives*. *Trends In Linguistics: Studies And Monographs* 240.), By G. L. J. Haig, N. Nau, S. Schnell, & C. Wegener]. *Language*, 89(2), 366–369.
- Ghafar, Z. N. (2023). Language As A Component Of Culture: The Role Of Language In Cultural Development. *ISAR. Journal Of Arts, Humanities And Social Sciences*, 1(1), 1–4.
- Grenoble, L. A., & Whaley, L. J. (2006). *Saving Languages: An Introduction To Language Revitalization*. New York: Cambridge University Press.
- Grenoble, L. A., & Furbee, N. L. (Eds.). (2010). *Language Documentation: Practice And Values*. Amsterdam: John Benjamins Publishing Company.
- Hayati, L., Nor Hashimah, J., & Mohammad Fadzeli, J. (2020). Pengekalan Dan Peralihan Dialek Melayu Satun: Korelasi Antara Penggunaan Bahasa Dengan Faktor Umur Penutur. *Jurnal Linguistik*. 24(2), 47-58.
- Himmelman, N. (1998). Documentary And Descriptive Linguistics. *Linguistics*, 36(1), 161-196. <https://doi.org/10.1515/Ling.1998.36.1.161>

- Himmelman, N. P. Chapter 1 - Language Documentation: What Is It And What Is It Good For?". *Essentials Of Language Documentation*, In Gippert, J., Himmelman, N. P., & Mosel, U. (2006). Berlin, New York: De Gruyter Mouton. 1-30. <https://doi.org/10.1515/9783110197730.1>
- Hinton, L., Huss, L., & Roche, G. (2018). *The Routledge Handbook Of Language Revitalization*. New York: Routledge.
- Hornberger, N., & Coronel-Molina, S. (2004). Quechua Language Shift, Maintenance, And Revitalization In The Andes: The Case For Language Planning. *International Journal Of The Sociology Of Language*. 2004. 9-67.
- King, J. (2001). Te Kōhanga Reo: Māori Language Revitalization. Dalam L. Hinton & K. Hale (Eds.), *The Green Book Of Language Revitalization In Practice* (Ms. 119–131). Brill. https://doi.org/10.1163/9789004261723_012
- Lasimbang, R., & Tangit, T. (2000). Changing The Language Ecology Of Kadazandusun: The Role Of The Kadazandusun Language Foundation. *Current Issues In Language Planning*. 1. 415-423. 10.1080/14664200008668015.
- Lassiter, L. E. (2005). *The Chicago Guide To Collaborative Ethnography*. Chicago: University Of Chicago Press.
- Lokin, S. A. H. (2004). Sejarah, Sosioekonomi Dan Kebudayaan Suku Kaum Bisaya Sabah. Dalam M. S. H. Mustajab (Ed.), *Warisan Budaya Sabah: Etnisiti Dan Masyarakat* (Hlm. 91–103). Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah.
- Mahali, S. N., Omar, A. T., & Mee, W. M. (2022). Domain Dan Pemilihan Bahasa Generasi Muda Murut Di Keningau, Sabah. Gema Online, *Journal Of Language Studies*. 22(3), 119-138.
- Miller, C. P., Miller, J. D., & Lasimbang, R. (2015). *Kadazan-Dusun-Malay-English Dictionary Toolbox File*. Sil International.
- Moorfield, J. C. (2008). Te Whakaako I Te Reo - Teaching Māori Using The Te Whanake Collection. *Te Kaharoa The E-Journal Of Indigenous Pacific Issues*, 1, 100-137.
- Moseley, C. (Ed.). (2010). *Atlas Of The World's Languages In Danger* (3rd Ed.). Paris: Unesco.
- Nasrun, A., & James, T. C. (2017). Pendokumentasian Dialek Ulu Terengganu Sebagai Wahana Komunikasi: Satu Tinjauan Awal Aspek Morfologi. *Jurnal Melayu*. Isu Khas, 436-457.
- Rice, K. (2011). Documentary Linguistics And Community Relations. *Language Documentation & Conservation*, 5, 187–207.
- Romaine, S. (2006). Planning For The Survival Of Linguistic Diversity. *Language Policy*. 5. 443-475.
- Romaine, S. (2007). *Preserving Endangered Languages*. *Language And Linguistics Compass*. 1,(1-2), 115-132
- Rowan, K. (2021). *Mdocumentation: Combining New Technologies and Language Documentation to Promote Multilingualism in Nubian Heritage Language Learners of the Diaspora*. Rethinking Language Use in Digital Africa. Multilingual Matters & Channel View Publications.
- Rozmalina, I. M., Lee, Y. F., Sarjit Singh, A/L D. S., & Mohd. Fauzi, F. (2018). Cabaran Dan Usaha Pengekalan Identiti Etnik Bumiputera Siam. *Pertanika Journal*. Mahawangsa, 5(1), 389-397.
- Sa'adiah, M., Nur Afifah, V. A., Chong, S., & Tengku Intan, S. T. S. (2023). Persepsi Orang Asli Lanoh Terhadap Usaha Pembalikan Peralihan Bahasa. *Jurnal Melayu*. Isu Khas Disember. 1-13.

- Saymore Language Technology. (2025). *Simplifying Language Documentation Tasks*. Dalam <https://Software.Sil.Org/Saymore/>. Diakses Pada 21 April 2025.
- Skutnabb-Kangas, T., & Mccarty, T. L. (2008). Key Concepts In Bilingual Education: Ideological, Historical, Epistemological, And Empirical Foundations. In J. Cummins & N. H. Hornberger (Eds.), *Encyclopedia Of Language And Education Vol. 5: Bilingual Education* (2nd Ed., Pp. 3–17). New York, Ny: Springer.
- Sonza, D. P. (1974). The Bisayas Of Borneo And The Philippines: A New Look At The Maragtas. *Southeast Asia Journal*, 7(2), 38-48.
- Suhailin, M. R., Sujud, A., Che Rodi, R., & Sha'ri, S. N. (2020). Realiti Daya Hidup Bahasa Bisaya Muslim Sebagai Etnik Minoriti Di Sabah. *Malaysian Journal Of Social Sciences And Humanities (Mjssh)*, 5(7), 82 - 95. Doi: 10.47405/Mjssh.V5i7.447.
- Tamilarasi, E., & Khairul, A. J. (2022). Penguasaan Bahasa Inggeris Yang Rendah Dalam Kalangan Murid Di Sekolah Malaysia; Analisis Faktor Dan Cadangan Penambahbaikan. *International Journal Of Education And Pedagogy (Ijeap)*. 4(3), 38-48.
- The Open Language Documentation Project. (2019). *Openspeaks Multimedia Toolkit*. Dalam <https://Theofdn.Org/Openspeaks/Multimedia-Toolkit>. Diakses Pada 21 April 2025.
- Trudgill, P. (2002). *Sociolinguistic Variation And Change*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Unesco. (2021). *Indigenous Languages Decade 2022–2032*. Dalam <https://Www.Unesco.Org/En/Decades/Indigenous-Studies>. Diakses Pada 21 April 2025.
- Unesco. (2022). *Unesco Launches The World Atlas Of Languages To Celebrate And Protect Linguistic Diversity*. Dalam <https://Unesco.Org/En/Articles>. Diakses Pada 24 April 2025.
- Waemasna, W., & Yusniza, Y. (2023). Konotatif, Afektif Dan Reflektif Memanifestasikan Kebijakan Akal Budi Melayu Patani. *Rentas: Jurnal Bahasa, Sastra Dan Budaya*, 2, 155–176. <https://Doi.Org/10.32890/Rentas2023.2>.